

Tingkatkan kemudahan pengguna



CATATAN
ZIN MAHMUD

PADA hari Jumaat dua minggu lalu penulis ada acara untuk dihadiri di sekitar kawasan Jalan Semantan, Bukit Damansara. Acara itu sebelah malam dan penulis mahu pergi ke situ dengan menggunakan pengangkutan awam. Penulis tidak biasa di kawasan itu.

Paling akhir penulis ke situ adalah pada sekitar tahun 2000-an ketika mana Transit Aliran Massa (MRT) belum ada. Sekitar Jalan Semantan itu adalah kawasan padat yang berbukit dengan laluan jalan sempit yang menambahkan kesesakan lalu lintas dan kesukaran memperoleh tempat letak kereta.

Untuk ke sana, penulis mencari maklumat menggunakan aplikasi Moovit yang menawarkan opsyen bagi pengangkutan awam ke situ. Sebagai seorang warga emas, langkah menggunakan aplikasi itu pun merupakan satu perjuangan dan pencaapaian. Tetapi penulis berazam untuk menggunakan pengangkutan awam supaya tidak menjadi penyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta di Kuala Lumpur, di samping untuk merendahkan paras stres dalam menghadapi kenehan sebahagian pemandu kenderaan yang kurang bertamadun.

Maka sebaik saja mencapai usia kelayakan, penulis mendapatkan kad myRapidKL untuk warga emas di pejabatnya di stesen Pasar Seni. Dengan kad itu, penulis boleh menikmati separuh harga tambang bagi perjalanan menggunakan perkhidmatan RapidKL seperti LRT, MRT, BRT, Monorel, Komuter dan bas.

Kad itu ada gambar pemegangnya. Ia tidak boleh digunakan oleh orang lain dan boleh digunakan dalam jangka masa sepuluh tahun. Tetapi seorang pemegang mesti menggunakan kad itu sekurang-kurangnya setahun sekali bagi mengelakkannya daripada dihentikan keaktifannya.

Tidak ramai orang di kaunter. Ada tiga orang warga emas termasuk penulis yang memohon untuk mendapat kad itu. Borang perlu diisi, nombor giliran mesti diambil dan foto pemegang juga dirakam. Di pejabat itu, kelihatan juga dua orang pelanggan yang mahu menebus kad mereka. Ini kerana mereka sudah tidak lagi menggunakannya dan masih ter-



ORANG ramai memilih pengangkutan awam tren kerana ia lebih selesa dan dapat mengelak daripada terperangkap dalam kesesakan jalan raya. - Gambar hiasan

dapat baki wang di dalamnya. Mereka diarahkan supaya berurusan di tingkat dua KL Sentral.

Papan tanda

Dari stesen di atas itu tidak ada papan tanda di mana terletaknya pejabat itu. Penulis perlu bertanya di kaunter berhampiran get masuk. Pejabat itu terletak di bahagian bawah stesen itu. Dengan ada kad itu, ia memudahkan seseorang untuk menggunakan pengangkutan awam di Lembah Klang. Ini kerana bas RapidKL kini hanya menerima penggunaan kad dan sebarang wang tunai tidak lagi dilayan.

Penulis bergerak dari Seri Gombak yang terletak di Selangor. Dengan menaiki pengangkutan awam e-hailing, penulis pergi ke stesen LRT Gombak yang merupakan penghujung sebelah timur Gombak Line. Penghujung sebelah selatan ialah Putra Heights, juga di Selangor. Sebenarnya, untuk ke stesen itu, penulis juga boleh menggunakan bas RapidKL nombor T201 yang sampai di Wira Damai, satu penempatan di kaki bukit Batu Caves.

Buat masa ini, ada dua perkhidmatan e-hailing yang penulis guna iaitu Grab dan MyCar. Umumnya MyCar menggunakan tambang lebih murah sedikit. Dari pengalaman, kebanyakan pemandu MyCar adalah juga pemandu teksi. Ada antara mereka menggunakan kedua-duanya, Grab dan MyCar untuk mendapatkan penumpang.

Sejak 12 Oktober lalu, ekoran peraturan baharu dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bilangan pemandu

Grab dan MyCar berkurangan dan ia membawa kepada kenaikan tambang.

“Di Lembah Klang ini, maklumat baik berupa papan tanda atau dalam talian banyak yang tidak tepat dan kurang memuaskan. Sementara itu, dalam aplikasi pula, ada antaranya tidak dikemas kini. Ia kelihatan kecil tetapi ternyata merupakan aspek kurang efisien bagi warga kota

Melalui Gombak Line dari stesen Gombak, penumpang memasuki sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur apabila sampai di stesyen Taman Melati. Ini diikuti dengan Wangsa Maju, Seri Rampai, Setiawangsa, Jelatek, Datok Keramat, Damai, Ampang Park, KLCC, Kampung Baru, Dang Wangi, Masjid Jamek, Pasar Seni, KL Sentral, Bangsar, Abdullah Hukum, dan akhirnya Universiti sebelum ia keluar ke wilayah negeri Selangor.

Untuk ke Bukit Damansara, penulis perlu turun sama ada di Pasar Seni atau KL Sentral. Tetapi pada hari itu penulis turun di KL Sentral.

Stesen ini merupakan tempat pertemuan laluan LRT, MRT, Monorel, ERL, Skypark Link dan KTM. Untuk pergi ke stesen MRT dari stesen LRT, seseorang perlu melalui lobi tempat berlepas ERL ke KLIA. Penulis berasakan maklumat papan tanda di kawasan itu tidak mencukupi.

Seseorang perlu naik eskalator yang tinggi sebelum berjalan jauh melalui terowong untuk sampai stesen MRT Muzium Negara. Walaupun eskalator itu efisien tetapi antara lantai bawah hingga tapak eskalator terdapat beberapa anak tangga yang dirasakan tidak mesra pengguna.

Ini kerana penulis melihat sepasang warga emas asing, yang berkemungkinan pelancong terkial-kial membawa beg yang banyak dan berat untuk melangkaui anak-anak tangga

itu sebelum sampai ke eskalator itu.

Adalah dapat dibayangkan bahawa kedua-duanya baru sampai dari London dengan kapal terbang yang mendarat di KLIA. Dengan susah payah mereka kemudian menaiki ERL. Tetapi untuk ke platform ERL terdapat lif. Dari ERL mereka sampai di KL Sentral. Tanpa troli mereka perlu pergi ke stesen MRT Muzium Negara, mungkin untuk pergi ke hotel mereka di Bukit Bintang.

Destinasi penulis pada malam itu adalah stesen MRT Semantan yang merupakan satu saja stesen dari stesen Muzium Negara. Keretapi MRT laju dan selesa. Sekejap saja sampai di stesen itu. Perkara itu tidak bermasalah. Apa yang menjadi cabaran adalah selepas itu.

Apabila keluar dari stesen, hujan renyai renyai turun. Suasana gelap tetapi ada lampu yang bernyala apabila berjalan di bawahnya. Penulis merujuk kembali aplikasi untuk melihat peta. Ia menunjukkan destinasi itu tidak jauh. Nombor 2, Jalan Dungun Kiri. Dari pintu stesen itu kelihatan Starbucks, pejabat MRT dan Bank Islam.

Penulis sampai ke satu jalan tetapi ia tidak ada papan tanda nama jalan. Mungkinkah penulis tidak dapat melihatnya? Di sebelahnya terletak Universiti Help.

Oleh kerana tidak bernama, penulis berjalan ke depan. Di situ terdapat nama Jalan Gelenggang. Apabila melihat peta aplikasi itu, ternyata penulis terlepas Jalan Dungun Kiri. Maka penulis pun patah balik. Keadaannya adalah gelap dalam hujan renyai dan suasana sunyi.

Papan tanda jalan perlu ada dan jelas di seluruh Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Rupanya destinasi penulis itu terletak dalam bangunan tinggi yang ada namanya. Sedangkan alamat yang diberikan dan juga terkandung dalam peta aplikasi sedikit pun tidak menyebut nama bangunan tinggi itu.

Di Lembah Klang ini, maklumat baik berupa papan tanda atau dalam talian banyak yang tidak tepat dan kurang memuaskan. Sementara itu, dalam aplikasi pula, ada antaranya tidak dikemas kini. Ia kelihatan kecil tetapi ternyata merupakan aspek kurang efisien bagi warga kota.

Bagi memperbaiki perkara-perkara terperinci ini, pengguna perlu memberikan maklum balas. Tetapi maklum balas itu pula wajar sampai pada sasaran dan diambil tindakan segera. Jika tidak, kehidupan di kota akan kekal kurang selesa.

Elak salah guna Sunnah



PANDANGAN

DR. MOHD. ANUAR
RAMLI

TANGGAL 12 Rabiul Awwal merupakan satu tarikh yang istimewa khususnya bagi umat Islam. Ulang tahun kelahiran Nabi Muhammad SAW atau dinamakan sebagai Maulid Nabi disambut secara besar-besaran dengan pelbagai pengisiran.

Antaranya adalah perarakan, bacaan selawat beramai-ramai juga majlis kenduri dan ceramah agama berkaitan baginda SAW.

Dari segi pensejarahan, sambutan maulid Nabi dikaitkan dengan tradisi pemerintah Islam pada zaman Fatimiyyah. Ia menjadi titik polemik antara golongan yang mengharuskan sambutan maulid dan yang melarang.

Larangan ini timbul kerana sambutan hari kelahiran tidak pernah dilakukan oleh Nabi dan juga khulafa' al-rasyidin sebaliknya hanya dilakukan oleh umat Islam terkemudian.

Hakikatnya dalam masyarakat Islam kini telah timbul pelbagai penyalahgunaan terhadap Sunnah. Akibat jahil dan tidak mengenali Nabi dan mendalami Sunnah Nabi SAW, mereka telah mengeksploitasikan Sunnah Nabi atas nama "mengamalkan Sunnah". Natijahnya lahir produk, perkhidmatan, amalan atau gaya yang dinisbahkan kepada Nabi SAW.

Terdapat segelintir pengusaha menggunakan pelabelan Sunnah dalam produk dan perkhidmatan sebagai strategi pemasaran. Justeru mereka menghasilkan produk makanan dan minuman dengan berbagai jenama dan kandungan bahan Sunnah.

Sedangkan produk yang dihasilkan bukan berasaskan penelitian dan penyelidikan yang mendalam sama ada mengikut tatacara pengambilan oleh Nabi SAW dalam bentuk sukatan kuantiti dan kualiti makanan terabit serta amalan pengambilan makanan dalam latar belakang budaya Arab di samping latar belakang iklim setempat di Mekah atau Madinah.

Penelitian terhadap cara pengambilan dan latar belakang budaya masyarakat adalah signifikan bagi melihat bentuk dan kadar pengambilan dan kesesuaian-

nya dengan pengguna setempat di Malaysia.

Sebaliknya mereka sekadar memetik hadis Nabi secara umum dan memasukkan unsur bahan yang disebut tersebut ke dalam produk yang dihasilkan.

Ada produk yang dihasilkan disertakan dengan dakwaan melampau dan testimoni pengguna. Produk 'ajaib' yang mengandungi bahan Sunnah didakwa boleh merawat 1,001 jenis penyakit termasuklah 20 jenis penyakit yang tidak boleh diiklankan sebagai tuntutan perubatan oleh Kementerian Kesihatan antaranya kanser, jantung dan kencing manis.

Malangnya produk yang dihasilkan hanya bersandarkan khasiat makanan Sunnah tanpa melalui kajian dan ujian klinikal pasca pengeluaran untuk dibuktikan keberkesanannya sebaliknya hanya menggunakan testimoni pengguna yang boleh dipertikaikan.

Analisis kandungan terhadap produk tertentu menunjukkan adanya bahan berbahaya seperti dexamethasone dan prednisolone iaitu bahan steroid yang dilarang di bawah Akta Makanan 1983 di sebalik pelabelan Sunnah.

Salah faham

Senario ini merupakan sebahagian daripada barah dalam masyarakat yang salah faham terhadap Sunnah yang diwariskan oleh Nabi Muhammad SAW kepada pengikutnya. Semakin jauh dari zaman Nabi SAW, umat semakin keliru dalam memilih Sunnah untuk diamalkan, malah ada pihak mencari keuntungan di sebalik senario tersebut.

Sedangkan Nabi Muhammad SAW bersabda: "Aku telah ting-

galkan kepada kamu dua perkara. Kamu tidak akan sesat selama-lamanya selagi kamu berpegang dengan kedua-duanya, (iaitulah) al-Quran dan Sunnah NabiNya." (Riwayat Malik, no. hadis: 1594). Jelasnya, Baginda telah mewariskan dua khazanah penting kepada umat Islam untuk dijadikan panduan dalam kehidupan.

Sehubungan dengan itu, dalam aspek pengambilan makanan dan minuman, syariat Islam tidak meletakkan makanan Sunnah sebagai keutamaan asas hingga menafikan makanan setempat yang halal lagi tayyib.

Sebaliknya dalam al-Qur'an, perintah yang diturunkan adalah arahan mengambil makanan secara umum (al-Baqarah [2]: 60) dan makanan yang halal lagi tayyib (al-Baqarah [2]: 168, 172; al-Ma'idah [5]: 88; Surah al-Nahl [16]: 114).

Selain itu, penyalahgunaan label Sunnah turut memberi imej yang buruk terhadap Nabi SAW. Umpamanya apabila berlaku implikasi kemudaratan dan kematian akibat pengambilan produk yang dilabel dengan Sunnah, ia dapat memberi kesan negatif terhadap kesucian Sunnah Nabi SAW.

Di samping itu, menafikan rawatan dan perubatan moden yang diyakini keberkesanannya turut bersalahan dengan Sunnah Nabi SAW. Ini kerana dalam urusan perubatan, Baginda pernah mengarahkan Sahabat untuk bertemu dengan doktor untuk mendapatkan rawatan (Riwayat Abu Daud, no. hadis: 3875).

● Penulis merupakan Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Ahli Parlimen perlu tonjolkan karisma

SIDANG Dewan Rakyat merupakan satu platform yang amat penting dalam menggubal dasar negara di samping mengangkat aduan rakyat.

Maka sewajarnya Ahli-ahli Parlimen mengambil kesempatan itu untuk membawa idea-idea bernas dan membawa masalah-masalah yang dihadapi penduduk di kawasan masing-masing kepada pengetahuan pihak kerajaan.

Sudah pasti setiap perkara yang dibangkitkan bakal dicatat oleh wakil-wakil agensi di setiap kementerian yang turut hadir mengikuti sidang tersebut.

**MINDA
PENGARANG**

Usaha untuk meningkatkan martabat Parlimen Malaysia telah dilakukan termasuk melalui beberapa perubahan dari segi wujudnya pelbagai bentuk Jawatankuasa Parlimen dan perubahan dalam aturan mesyuarat termasuk ada sesi khas menteri sendiri yang perlu menjawab dan sebagainya.

Namun apa yang menjadi kekesalan apabila, suasana Sidang Dewan Rakyat tidak pernah berubah sejak dari dahulu apabila masih ada sebilangan Ahli Parlimen malah ada yang telah lama berada di kerusi Parlimen memperlihatkan telatah yang tidak bertamadun.

Ini termasuk tidak segan silu mengeluarkan perkataan yang bersifat 'unparliamentary'. Sewajarnya peraturan mesyuarat dijadikan panduan untuk membolehkan perjalanan sidang berjalan lancar dan masing-masing menghormati peranan dimainkan Speaker.

Bukan mereka tidak pernah didedahkan sesi bahas di Parlimen negara-negara maju yang menyaksikan mutu perbahasan mereka lebih dibanggakan.

Barisan pembangkang yang sebelum ini pernah menjadi kerajaan sepatutnya mengambil kesempatan untuk menarik semula perhatian rakyat kepada mereka dengan membangkitkan isu-isu atau topik yang benar-benar serius.

Begitu juga penyokong kerajaan, mereka harus tampil lebih berani dalam mempertahankan setiap dasar yang dibawa oleh kerajaan semasa.

Tahap keseriusan Ahli-ahli Parlimen terutama penyokong kerajaan juga baru-baru ini dipersoalkan apabila mereka tidak hadir dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2020.

Tanpa dinafikan ada kalanya suasana perbahasan agak dingin terutama pada waktu petang dan memerlukan sedikit suasana soal jawab yang lebih santai.

Watak Ahli-ahli Parlimen yang boleh mencetuskan suasana ceria memang diperlukan tetapi janganlah hingga aksi-aksi mereka itu menjadi bahan troll oleh netizen di media sosial.

Dengan sesi sidang dapat ditonton secara live, sewajarnya setiap Ahli Parlimen memperlihatkan karisma mereka berhujah dan menyampaikan hasrat rakyat ke peringkat tertinggi dalam penggubalan undang-undang.



Tangani isu keselamatan, punca kemalangan

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

JANDA BAIK – Bagi memastikan keselamatan warga Putrajaya khususnya pengguna jalan raya terjamin dan terhindar daripada kemalangan maut, Bahagian Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya melalui Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Putrajaya (Prose) menganjurkan Bengkel Keselamatan Jalan Raya Putrajaya 2019 di Janda Baik, Pahang baru-baru ini.

Bengkel yang berlangsung pada 1 hingga November lalu melibatkan kira-kira 100 peserta daripada pelbagai bidang kepakaran antaranya Ketua Unit/Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Dr. Rizati Hamidun; Ketua Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya, Asisten Superintenden Mohd. Asri Abdul; pegawai-pegawai dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR).

Turut sama menghadiri bengkel tersebut adalah Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Kejiranan Rukun Tetangga (KRT), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Persatuan JKJR, ahli surau dan komuniti Putrajaya.



AZIZI (duduk, tengah) bergambar bersama peserta Bengkel Keselamatan Jalan Raya Putrajaya 2019 di Janda Baik baru-baru ini.

Sepanjang dua hari penganjurannya, kesemua peserta membincangkan punca serta cara untuk menangani masalah yang membabitkan keselamatan di jalan raya. Ia juga ekoran kemalangan maut melibatkan seorang kanak-kanak perempuan yang terjadi di Jambatan Sri Ehsan, Putrajaya.

Antara fokus utama adalah sikap warga Putrajaya terutama penjawat awam yang sering memandu laju dan mengabaikan aspek keselamatan jalan raya selain penguatkuasaan

yang lemah serta kurang pengetahuan tentang kaedah-kaedah lalu lintas termasuk simbol dan garisan zebra.

Peserta juga membincangkan cara untuk meningkatkan penguatkuasaan dan mengurangkan kadar kesalahan jalan raya khususnya di kawasan-kawasan sekolah yang melibatkan kanak-kanak.

Menurut Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya, Datuk Azizi Ahmad Terenzi, bengkel tersebut juga bertepa-

tan dengan usaha JKJR untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya selain turut melibatkan komuniti bagi membolehkan maklumat disampaikan secara menyeluruh.

"Ia membantu untuk menggerakkan Putrajaya ke aras bandar raya yang selamat dan terancang menerusi inisiatif penduduk serta advokasi.

"Perbincangan peserta juga bagus. Bagi fasa pertama, kitab oleh perbanyakkan lagi program membabitkan keselamatan jalan raya selain beberapa melakukan penambahbaikan bagi membolehkan matlamat utama tercapai.

"Fasa kedua yang melibatkan pelaksanaan medium boleh diadakan pada tahun hadapan manakala fasa terakhir iaitu yang melibatkan jangka masa panjang seperti perbincangan lanjut atau penukaran dasar boleh dilakukan pada tahun hadapan juga," katanya ketika berucap pada majlis penutup bengkel berkenaan baru-baru ini.

Dalam pada itu, Azizi turut menekankan tentang kepentingan pendidikan serta advokasi bagi membolehkan setiap perancangan dan maklumat disampaikan secara terus kepada warga Putrajaya khususnya pengguna jalan raya.

Bakal dibuka semula untuk kunjungan orang ramai pada hujung Januari 2020

Taman Tasik Titiwangsa lebih cantik


Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR – Taman Tasik Titiwangsa yang ditutup sejak September tahun lalu akan mula dibuka semula kepada pengunjung pada akhir Januari tahun depan.

Perkara tersebut dimaklumkan menerusi Facebook rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 3 November lalu.

Dalam kenyataan tersebut, DBKL menyatakan, taman rekreasi itu masih belum dibuka kepada orang ramai berikutan kontraktor masih menjalankan kerja-kerja menaik taraf.

"Pihak projek dan klien sedang dalam proses memobilisasi pasukan sekuriti, pembersihan dan lain-lain



ANTARA lokasi cantik yang berlatarbelakangkan Menara Berkembar Petronas (KLCC).

staf.

"Tanpa pasukan sekuriti atau kontraktor, sekiranya berlaku sebarang kejadian tidak diingini kepada pengunjung, dikhuatiri tiada perlindungan yang dapat

membantu," katanya.

Taman Tasik Titiwangsa ditutup kepada orang ramai pada 1 September 2018 bagi memberi laluan kerja-kerja pengindahan dan penambahbaikan.



JAMBATAN gantung di Taman Tasik Titiwangsa bakal menarik pengunjung.

Dalam satu notis sebelum ini, DBKL memaklumkan sebarang aktiviti riadah tidak dibenarkan dilaksanakan di kawasan tersebut.

DBKL juga tidak bertanggungjawab atas se-

barang kemalangan dan kecederaan yang terjadi kepada mana-mana individu yang memasuki kawasan tersebut tanpa kebenaran sepanjang tempoh penutupan.